

Siaran Harian

28/2/16

mls 52

# Pil kuda RM8.3 juta dirampas

Sindiket penyeludupan terbesar tumpas, 414,000 pil dirampas dalam serbuan di tujuh lokasi

■ ROSALWANI CHE SOH

Foto: JAZALY AMRY JAAFAR

**KOTA BHARU** - Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman bersama Pasukan Khas Taktikal Perisikan (Sting) berjaya melumpuhkan satu sindiket penyeludupan dadah jenis pil kuda bernilai RM8.3 juta dalam dua serbuan berasingan di Rantau Panjang.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Mohd Dzuraiddi Ibrahim berkata, sebanyak 414,000 pil kuda dirampas dalam serbuan Sabtu dan Selasa lalu di tujuh lokasi berasingan.

Dalam serbuan pertama di sebuah kawasan perkampungan di Rantau Panjang kira-kira jam 5.30 petang, 11 suspek ditahan termasuk lima



**Dzuraiddi (dua, kiri) menunjukkan dadah jenis pil kuda yang berjaya dirampas dalam serbuan di Rantau Panjang.**

lelaki warga Thailand, lima lelaki tempatan dan seorang wanita warga tempatan yang juga merupakan penjawat

awam berusia antara 28 hingga 69 tahun.

Manakala dalam serbuan kedua pada jam 3.10 petang

dua lelaki dan seorang wanita tempatan berusia antara 47 hingga 43 tahun ditahan disyaki terlibat dalam

pengedaran dadah.

"Kita tahan kesemua 14 suspek bersama lapan kereta pelbagai jenis yang diubah suai dipercayai digunakan sebagai kenderaan membawa dadah berkenaan, pelbagai barang kemas, dua utas jam Rolex dan wang tunai bernilai RM34,350 dan nilai sitaan berjumlah RM1.25 juta.

"Kesemua tangkapan direman di bawah seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk siasatan lanjut", katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPK) di sini semalam.

Dzuraiddi berkata, sindiket berkenaan dikesan aktif sejak enam bulan lalu hasil maklumat dan risikan bekalan dadah untuk pasaran sekitar Pantai

Timur termasuk Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Ini merupakan kejayaan terbesar untuk tahun ini dan kita harapkan masyarakat akan terus menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pengedaran bagi memastikan kegiatan terbahit berjaya ditumpaskan," katanya.

Sementara itu Dzuraiddi berkata, sepanjang 1 Januari sehingga 18 Februari lalu, jumlah keseluruhan tangkapan berkaitan kes dadah adalah seramai 28,340 orang.

"Dari jumlah terbahit 27,080 merupakan warga tempatan manakala 1,260 merupakan warga asing dan hasil rampasan yang diperolehi sepanjang tempoh terbahit berjumlah RM39.13 juta keseluruhannya," katanya.